

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI PULAU PINANG**  
**PERMOHONAN SEMAKAN KEHAKIMAN NO.PA-25-95-10/2018**

**ANTARA**

**LEE TING SAN LORRY TRANSPORT SDN BHD - PEMOHON**

**DAN**

- 1. KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF SURUHANJAYA  
PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)**
- 2. SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC) - RESPONDEN-RESPONDEN**

**PENGHAKIMAN**

**Pengenalan**

Dalam permohonan semakan kehakiman ini, pemohon memohon antara lainnya:-

- i) Perintah certiorari untuk membatalkan Rujukan Siasatan Bagi Penyediaan Maklumat dan Dokumen oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) terhadap pemohon bertarikh 10.7.2018;

- ii) Satu deklarası bahawa siasatan yang dijalankan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) adalah menyalahi undang-undang, tidak munasabah dan/atau tidak rasional dan mengandungi ketidakwajaran prosedur dalam keputusan.

Fungsi mahkamah dalam semakan kehakiman ialah menyemak proses sesuatu keputusan itu dibuat, samaada ianya adalah munasabah atau terdapat unsur illegality, irrationality atau impropriety; sila lihat *Tenaga Nasional Berhad v Yahaya Jusoh* [2014] 2 CLJ 498.

### **Latarbelakang fakta**

1. Pemohon adalah sebuah syarikat pengangkutan yang mengangkut kontena-kontena keluar dari kawasan Pelabuhan Pulau Pinang. Kontena-kontena yang diangkut oleh pemohon perlu melalui mesin pengimbas Kastam Diraja Malaysia.
2. Pemohon, Lee Ting San Lorry Transport Sdn Bhd adalah syarikat yang berhubung kait dengan Wealthy Care Consortium Sdn Bhd

dalam kes semakan kehakiman No.PA-25-94-10/2018. Kedua-dua pemohon adalah termasuk dalam Lee Ting San Group of Companies.

3. Proses siasatan responden kedua terhadap pemohon di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 [Akta 712) bermula seperti berikut:

i) Pada 30.11.2016, responden kedua telah menerima pertanyaan tentang surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Persatuan Haulier Malaysia, Cawangan Utara (Surat Pekeliling tersebut).

ii) Responden kedua juga telah menerima beberapa surat pekeliling yang berkaitan dengan Surat Pekeliling tersebut yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat hauliers yang kesemuanya telah menetapkan "Scanning Surcharge" sebanyak RM75.00 yang berkuatkuasa 1.12.2016 seperti berikut:

a) Surat pekeliling tanpa tarikh dari SH Haulage Sdn Bhd;

- b) Surat pekeliling bertarikh 15.11.2016 dari LTS Logistics (PG) Sdn Bhd;
  - c) Surat pekeliling bertarikh 16.11.2016 dari Lee Ting San Enterprise Sdn Bhd; dan
  - d) Surat pekeliling bertarikh 16.11.2016 dari Wealthy Care Consortium Sdn Bhd.
- iii) Setelah menerima surat-surat pekeliling di atas, responden kedua mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa syarikat-syarikat pengangkutan yang terlibat telah melanggar seksyen 4 (2) (a) Akta 712 dan telah memulakan siasatan menurut seksyen 14 (1).
- iv) Seksyen 4 (2) (a) Akta 712 melarang perjanjian antara perusahaan-perusahaan yang menetapkan suatu harga belian atau jualan atau apa-apa syarat perdagangan.

- v) Responden kedua telah mengeluarkan tiga notis kepada pemohon seperti berikut:
- a) Notis bertarikh 2.3.2017 di bawah seksyen 18 (1) Akta 712 (Notis Pertama);
  - b) Notis bertarikh 10.7.2018 di bawah seksyen 18 (1) Akta 712 (Notis Kedua); dan
  - c) Notis bertarikh 10.7.2018 di bawah seksyen 20 Akta 712 (Notis Ketiga).
- vi) Notis Pertama dan Notis Kedua menghendaki pemohon memberi dan mengemukakan kepada responden kedua maklumat dan dokumen-dokumen yang dinyatakan dalam kedua-dua notis tersebut. Notis Ketiga pula menghendaki pemohon membenarkan responden kedua akses kepada rekod-rekodnya.

vii) Pemohon telah mematuhi sepenuhnya Notis Pertama dan Notis Ketiga. Tetapi, pemohon gagal mematuhi sepenuhnya Notis Kedua kerana pemohon gagal mengemukakan dokumen-dokumen berikut:

- a. The revenue earned and the number of movements by LTS Logistics (PG) Sdn Bhd on monthly basis in relation to movement of import and export containers at the Penang Port for the period of January 2015 up until the date of this Notice;
- b. The revenue earned by LTS Logistics (PG) Sdn Bhd on a yearly basis in relation to movement of import and export containers for the period of January 2015 up until the date of this Notice;
- c. LTS Logistics (PG) Sdn Bhd worldwide turnover including groups of companies on a yearly basis for the year of 2015 up until the date of this Notice.

## **Isu-isu untuk diputuskan**

Dalam hujahan bertulisnya, pemohon telah membangkitkan dua isu berikut:

1. Samaada keputusan responden kedua untuk meneruskan siasatan ke atas pemohon adalah menyalahi undang-undang, tidak munasabah dan/atau tidak rasional dan mengandungi ketidakwajaran prosedur dalam keputusan; dan
2. Samaada semakan kehakiman untuk membatalkan Rujukan Siasatan Bagi Penyediaan Maklumat dan Dokumen Suruhanjaya Persaingan Malaysia terhadap pemohon bertarikh 10.7.2018 wajar dibenarkan.

## **Isu Pertama**

Dalam hujahan bertulisnya, peguam pemohon menghujahkan bahawa keputusan responden kedua untuk meneruskan siasatan ke atas pemohon adalah menyalahi undang-undang, tidak munasabah dan/atau tidak rasional dan mengandungi ketidakwajaran prosedur atas alasan-alasan berikut:

- (a) Dalam surat bertarikh 10.7.2018, responden kedua tidak pernah menyatakan dengan terperinci berkenaan butiran siasatan yang telah dibuat dan apakah dokumen yang telah dirujuk oleh responden kedua dalam mencapai keputusannya mengsyaki pemohon telah melanggar seksyen 4 (2) (a) Akta.
- (b) Responden kedua telah pun membuat satu keputusan berdasarkan surat bertarikh 10.7.2018 tersebut dan ianya adalah pra-matang, memandangkan hanya selepas itu responden kedua mengarahkan pemohon untuk menyediakan dokumen-dokumen; dan
- (c) Tindakan responden-responden telah mengakibatkan hak pemohon untuk mempertikaikan sebarang tindakan yang dilakukan oleh pihak yang berkepentingan tidak dapat ditegakkan.

Hujahan peguam pemohon dijawab oleh peguam responden-responden seperti berikut:



- (a) Akta 712 tidak mengandungi apa-apa peruntukan nyata yang menghendaki responden kedua memberikan sebab-sebab atau justifikasi sebelum boleh menjalankan siasatan di bawah seksyen 14 Akta. Tambahan lagi, siasatan adalah sulit dan tidak boleh didedahkan bagi mengelakkan mana-mana perusahaan daripada memusnahkan dokumen atau bahan bukti.
- (b) Kesemua notis yang dihantar kepada pemohon adalah langkah-langkah yang perlu diambil dalam proses siasatan. Responden kedua diberi kuasa di bawah Akta untuk mendapatkan maklumat dan dokumen yang diminta. Tambahan lagi, pemohon telah mematuhi sepenuhnya Notis pertama dan Notis Ketiga. Bagi Notis Kedua, pemohon telah mematuhi sebahagian dari arahan responden kedua. Oleh itu, dihujahkan bahawa pemohon dihalang oleh prinsip estoppel daripada mencabar Notis Kedua dan Notis Ketiga.
- (c) Responden-responden belum lagi membuat keputusan terhadap pemohon kerana siasatan belum lagi selesai. Ketiga-tiga notis

tersebut hanyalah arahan yang dikeluarkan mengikut seksyen 18 dan 20 Akta. Maka, tidak ada keputusan untuk dicabar oleh pemohon.

Saya bersetuju dengan hujahan peguam responden. Kuasa responden untuk membuat siasatan, meminta maklumat dan dokumen diperuntukkan dengan nyata di bawah seksyen 14, 18 dan 20 Akta.

Seksyen 14 menyatakan:

*14.(1) The Commission may conduct any investigation as the Commission thinks expedient where the Commission has reason to suspect that any enterprise has infringed or is infringing any prohibition under this Act or any person has committed or is committing any offence under this Act.*

Seksyen 18 (1) menyatakan:

*18.(1) The Commission may, by notice in writing, require any person whom the Commission believes to be acquainted with the facts and circumstances of the case-*

*(a) to provide or produce to the Commission, within the period and in the manner specified in the notice, any information or document which is relevant to the performance of the Commission's powers and functions; or*

*(b) to make a statement to the Commission providing an explanation on any information or document referred to in paragraph (a) within the period and in the manner specified in the notice.*

Seksyen 20 menyatakan:

*20. (1) A person shall, if at any time directed by the Commission, allow the Commission access to his records, books, accounts or other things for the purposes of carrying out any of the Commission's functions or powers under this Act.*

*(2) Any person who fails to comply with the direction under subsection (1) commits an offence.*

Siasatan responden kedua bermula dengan penerimaan surat-surat pekeliling yang menetapkan surcaj RM75.00 untuk mengimbas kontena-kontena. Surat-surat pekeliling tersebut telah menyebabkan responden kedua mengsyaki pemohon telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 4 (2) (a) Akta. Maka, perbuatan mengsyaki itu bukanlah satu keputusan yang dimaksudkan di bawah Akta. Tetapi, mengsyaki itu adalah penyebab untuk responden kedua memulakan siasatan. Perbuatan mengsyaki, disusuli dengan tindakan meminta dokumen serta maklumat adalah fungsi dan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Akta 712 kepada responden kedua. Responden kedua hanya menguatkuasakan Akta 712 dengan menjalankan tanggungjawab statutorinya. Pemohon juga telah mematuhi sepenuhnya Notis Pertama dan Ketiga. Bagi Notis Kedua, pemohon telah mematuhi sebahagian dari arahan responden kedua. Oleh itu, pemohon adalah dihalang oleh prinsip estoppel dari mencabar Notis Kedua. Melihat kepada peruntukan seksyen 14, 18 dan 20 Akta, saya mendapati pengataan pemohon bahawa siasatan responden kedua adalah tidak munasabah, tidak rasional dan tidak mengikut prosedur adalah suatu pengataan yang tidak benar. Fakta menunjukkan responden kedua bertindak dengan munasabah dan mengikut undang-

undang. Siasatan responden kedua belum lagi selesai. Dari segi undang-undang, siasatan responden kedua tidak boleh disekat atau dihalang dan tidak boleh dibuat semakan kehakiman. Maka, isu pertama adalah tidak bermerit dan ditolak oleh mahkamah ini.

### **Isu kedua**

Dalam hujahan bertulisnya, peguam pemohon mengatakan responden kedua telah terkhilaf kerana notis-notis diserahkan kepada pemohon, sedangkan maklumat-maklumat yang diminta adalah berkaitan dengan entiti yang lain iaitu LTS Logistics (PG) Sdn Bhd.

Menjawab hujahan pemohon, peguam responden-responden menghujahkan:

- a) Tidak ada kesilapan identiti mengenai kepada siapa notis-notis itu dialamatkan dan siapa yang harus mematuhi notis-notis tersebut. Notis kedua dan ketiga dialamatkan kepada pemohon dan dokumen yang diminta juga adalah berkaitan dengan pemohon. Oleh itu, tidak ada apa-apa kekeliruan mengenai apa

dokumen yang harus dikemukakan oleh pemohon dan pemohon harus mengemukakannya.

- b) Carta organisasi dan kad perniagaan/kad nama pengarah-pengarah pemohon iaitu En Lee Kah Chye dan En Baidrulhisam bin Abdul Hamid menunjukkan bahawa pemohon adalah sebahagian dari Kumpulan Lee Ting San.


Saya mendapati fakta-fakta yang diujahkan oleh peguam responden-responden adalah benar. Kad nama En Baidrulhisam yang ditandakan sebagai eksibit "IS-9" dan carta organisasi yang ditandakan sebagai eksibit "IS-2" jelas menyebut bahawa pemohon adalah sebahagian dari Kumpulan Lee Ting San. Oleh itu, dakwaan pemohon bahawa ia tidak ada kaitan dengan Kumpulan Lee Ting San adalah tidak berasas dan ditolak oleh mahkamah ini.

### **Keputusan**

Permohonan pemohon adalah tidak bermerit. Dokumen-dokumen yang diminta dalam Notis Kedua adalah berkaitan dengan pemohon sahaja.

Siasatan responden kedua masih belum selesai. Pemohon tidak ada hak untuk menyekat siasatan responden-responden dengan alasan remeh temeh. Responden kedua hanya menjalankan tanggungjawab statutorinya di bawah Akta 712. Dengan itu, saya tolak permohonan pemohon dengan kos RM5000.00.

Bertarikh 5 Ogos 2019

  
Hadhariah bt Syed Ismail

Hakim

Mahkamah Tinggi

Pulau Pinang.

Peguamcara Pemohon: Cik Siti Rafidah & En Mohammad Irwan Shah;

Tetuan Aswandi Hashim & Co.

Peguamcara Responden: Cik Karin Lim, En Dominic & En Nicholas Lim;

Tetuan Presgrave & Matthews.